

## PERISTIWA DI MENGKARAK

# 'TEKTIK KOMUNIS'

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

TEMERLOH, Jumaat — Ketua Turus Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zain Hashim hari ini menegaskan insiden berlaku di Mengkarak dekat sini baru-baru ini beberapa orang anggota tentera dituduh melakukan kekasaran terhadap beberapa orang penoreh getah termasuk wanita semata-mata taktik komunis.

Katanya tuduhan-tuduhan serupa itu pernah berlaku beberapa kali semasa anggota tentera sibuk dengan pergerakan keselamatan di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Menurutnya tujuan tuduhan-tuduhan serupa itu ialah bagi mengharapkan pihak tentera menamatkan sesuatu operasi

ataupun melenghakkannya dan perkara ini berlaku semasa pihak komunis terkeping dan terdesak.

"Setiap kali gerakan dijalankan, terdapat peristiwa serupa ini dilakukan oleh agen-agen komunis di dalam mahupun di luar kawasan operasi supaya gerakan operasi dapat dikurangkan," tegasnya kepada pemberita di Kem Batu Lima di sini petang ini.

Menurutnya, kira-kira tiga tahun lalu tuduhan yang sama dilemparkan kepada anggota tentera yang menjalankan gerakan di Bentong dengan menyatakan beberapa orang tentera dituduh merogol.

Selepas polis

menyiasat perkara itu tidak benar sama sekali dan "kalau saudara-saudara tidak percaya boleh periksa laporan itu di Balai Polis Bentong sekarang."

Jeneral Tan Sri Zain pagi tadi telah mengadakan perjumpaan dengan penduduk-penduduk Mengkarak dan Triang di dewan Majlis Tempatn Triang dekat sini atas arahan Pemangku Perdana Menteri Datuk Musa Hitam.

Katanya, mungkin rakyat terlupe dengan taktik komunis ini yang sengaja menimbulkan isu serupa itu untuk melengahkan gerakan gerakan operasi.

Dalam hal ini beliau menegaskan: "Nak kata saya cuba

menyembunyikan sesuatu mengenai kelakuan anggota saya itu salah sama sekali.

"Saya tidak akan mengira seseorang anggota itu sama ada pangkat rendah atau tinggi, tetapi jika didapati bersalah tindakan tetap akan dijalankan," tegasnya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas insiden di Mengkarak lebih lanjut kerana perkara itu telah diserahkan kepada polis untuk disiasat.

Katanya sebagai seorang Panglima beliau menaruh kepercayaan kepada anggota-anggotanya dan sekiranya pihak pembangkang menimbulkan isu ini kenapa tidak kesetiaan mereka terhadap negara dipersoalkan.